

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
[ LEDANG ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [ LEDANG ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jelaskan perincian kadar fungsi Pusat Internet Komuniti (PIK) terkini terutamanya bagi kawasan luar bandar dan unjuran keberkesanan usaha pemerkasaan PIK terutamanya kepada sasaran utama iaitu golongan belia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pusat Internet Komuniti (PIK) telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sejak tahun 2007. Sehingga kini, terdapat sebanyak 873 PIK yang menyediakan perkhidmatan kepada hampir 15.4 juta rakyat. Pelaksanaan PIK adalah untuk memenuhi objektif utama dalam merapatkan jurang digital dengan penyediaan perkhidmatan capaian jalur lebar secara kolektif kepada golongan masyarakat bandar dan juga luar bandar selain daripada berperanan sebagai pembangunan modal insan bagi masyarakat setempat termasuk golongan belia.

2. PIK menawarkan kursus-kursus latihan berkaitan ICT, keusahawanan dan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), di samping menjalankan beberapa Program Penglibatan

## SOALAN NO : 42

Komuniti, Pembangunan Kandungan Tempatan serta menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan tambahan sebagai usaha kolektif dalam membantu meningkatkan kemahiran sosio-ekonomi dan modal insan masyarakat luar bandar.

3. Diantara program-program ICT dan STEM yang dijalankan di PIK adalah pengaturcaraan, aplikasi robotik/IoT, penciptaan aplikasi mudah alih, animasi, penerbitan video, pencetakan 3 dimensi (3D) dan kelas-kelas pembelajaran dalam talian seperti eKelas dan JomStudi. Manakala bagi program-program keusahawanan pula, PIK mengetengahkan latihan-latihan seperti strategi perniagaan, e-dagang dan lain-lain bagi menarik minat lebih ramai belia untuk menceburi bidang perniagaan dalam talian.

4. Selaras dengan itu, program pembangunan keusahawanan telah menjadi salah satu bidang tumpuan utama ke arah memacu usahawan berkemampuan digital yang inovatif, lestari dan inklusif. Sehingga kini, terdapat 20 ribu usahawan berjaya dilahirkan dengan bantuan PIK melalui program-program latihan keusahawanan yang dilaksanakan; yang mana 66% peratus daripadanya berjaya memperoleh pendapatan melebihi RM500 sebulan selepas mengikuti latihan keusahawanan berbanding sebelumnya hanya 25% sahaja yang memperoleh pendapatan melebihi RM500 sebulan. Ini termasuk program-program usahasama di antara beberapa agensi seperti MARA, FAMA dan landasan e-pasaran atau “*e-marketplace*” seperti Agrobazaar, LAZADA dan Shopee. Sebanyak 40% pengguna PIK adalah belia yang telah mendapat manfaat daripada pelbagai perkhidmatan dan pengisian program di PIK.